



## **PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19** *COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)*

---

### **PENGUMUMAN MENGENAI INISIATIF VAKSINASI SECARA WALK-IN DI LEMBAH KLANG SELEPAS 22 OGOS 2021**

---

Lanjutan daripada kejayaan Operasi Lonjakan Kapasiti baru-baru ini, Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) ingin memaklumkan beberapa ketetapan baharu yang dibuat sebagai kesinambungan kepada usaha pemvaksinan di Lembah Klang dan setelah mengambil kira perancangan operasi PPV sebelum ini serta keperluan semasa berdasarkan data yang dikumpul semenjak Operasi ini dilaksanakan.

1. CITF mendapati bilangan *walk-in* untuk warganegara Malaysia telah semakin berkurangan dari hari ke hari semenjak *walk-in* dimulakan pada 2 Ogos yang lalu. Oleh itu, *walk-in* untuk semua warganegara Malaysia di Lembah Klang akan diteruskan tetapi di 13 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tertentu seperti di Lampiran 1.
2. Bagi bukan warganegara Malaysia di Lembah Klang, kaedah *walk-in* yang dikhususkan di Pusat Pemberian Vaksin Stadium Nasional Bukit Jalil (PPV SNBJ) sehingga 22 Ogos akan digantikan dengan vaksinasi melalui kaedah janji temu. Ini bermakna, PPV SNBJ tidak lagi menerima *walk-in* bukan warganegara bermula 23 Ogos ini.

Langkah ini diambil agar proses pemvaksinan bukan warganegara, yang menyaksikan sambutan yang amat baik selama tempoh ia dilaksanakan baru-baru ini, dapat berjalan dalam keadaan yang lebih selamat dan selesa lagi.

Bukan warganegara yang masih belum mendaftar untuk PICK perlu berbuat demikian sama ada melalui MySejahtera, talian PICK di 1800-888-828 atau laman web [www.vaksinacovid.gov.my](http://www.vaksinacovid.gov.my) agar janji temu dapat diberikan.

Setiap warganegara yang *walk-in* ke PPV seperti yang disenaraikan di Lampiran 1 dan bukan warganegara yang pergi ke PPV mengikut janji temu perlu membuktikan bahawa mereka adalah pemastautin di Lembah Klang, dengan membawa surat atau dokumen yang berkenaan seperti kad kerja, bil utiliti atau sebarang dokumen lain yang berkaitan.

*Walk-in* untuk penduduk Malaysia di negeri lain SELAIN DARIPADA DI LEMBAH KLANG adalah diteruskan seperti biasa dan bergantung kepada negeri masing-masing.

## LAMPIRAN 1

### WALK-IN UNTUK WARGANEGARA MALAYSIA DI LEMBAH KLANG

Vaksinasi secara *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk warganegara Malaysia di Lembah Klang adalah di PPV seperti di bawah:

#### **Bermula 23 Ogos 2021**

1. KL Convention Centre (KLCC) – HCO F, G dan H
2. Axiata Arena Bukit Jalil – A, B
3. Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam – HCO B
4. Bangi Avenue Convention Centre (BACC)
5. Hotel Wyndham Acmar Klang
6. Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya
7. Stadium Tertutup Kuala Selangor
8. Dewan Seri Bernam, Sabak Bernam
9. Dewan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kuala Langat

#### **Bermula 25 Ogos 2021**

10. Le Pavilion Gamuda Garden, Gombak
11. Bukit Beruntung Golf Resort

#### **Bermula 26 Ogos 2021**

12. Galaxy Mall Ampang
13. Universiti Multimedia, Cyberjaya

- Individu yang terlepas suntikan dos kedua boleh pergi ke mana-mana PPV yang disenaraikan di atas yang berhampiran dengan kediaman. Sekiranya PPV tersebut tidak menawarkan vaksin dari jenis yang sama dengan dos 1 mereka, mereka akan dirujuk ke PPV yang lain.
- *Walk-in* juga adalah berdasarkan kaedah *first-come-first-serve* bergantung kepada kapasiti bekalan di PPV di atas, di mana individu *walk-in* akan diletakkan di bawah satu senarai untuk diminta hadir semula pada keesokan harinya sekiranya bekalan vaksin pada hari tersebut sudah habis digunakan.

– TAMAT –

Dikeluarkan pada: 22 Ogos 2021